

Mohd Amirul Kasyful Nur bin Zulkifli

From: Unifilm Studio UUM
Sent: 07 April 2016 9:00
To: UUM - All Staff; UUMstudgroup
Subject: Peserta Discover Photography Teruja Teroka Keindahan Bumi Sintok



7 APRIL 2016 / 29 JAMADILAKHIR 1437H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

PESERTA DISCOVER PHOTOGRAPHYTERUJA TEROKA KEINDAHAN BUMI SINTOK



SINTOK: Bersempena Discover UUM 2016 Unifilm Studio Universiti Utara Malaysia (UUM) menganjurkan bengkel *Discover Photography* bertempat di EDC Hotel & Residence, UUM baru-baru ini.

Peserta bengkel yang mengikuti sesi perkongsian ilmu selama tiga hari di sini melahirkan rasa teruja dengan keindahan alam semulajadi UUM.

Abdul Halim, 35, peserta dari Perbadanan Perpustakaan Pulau Pinang berkata bengkel ini memberi satu impak kepada dirinya apabila dapat mempelajari banyak ilmu baharu dalam bidang fotografi terutama berkenaan teknik dan cara mengambil gambar landskap.

“Teknik ini boleh diaplikasi dalam bidang kewartawanan foto untuk merakam panorama-panorama indah. Dengan teknik yang betul, proses merakam gambar ini menjadi lebih mudah dan menarik.

“UUM sangat indah. Pihak penganjur dan penceramah telah mempermudah proses pembelajaran apabila setiap lokasi bagi sesi praktikal sangat mengujakan diri saya,” ujarinya.

Manakala bagi peserta dari National Institutes of Biotechnology Malaysia (NIBM), Mohd Izwan Mohd Hazmi, 29, dirinya lebih bersemangat untuk merakam hasil gambar yang terbaik selepas ini.

“Penceramah tidak lokek ilmu, mudah berkongsi dan bagi saya kami mudah memahami dengan latihan praktikal semasa di lokasi. Mereka memberi tunjuk ajar dengan baik sekali,” katanya.

Bagi Mohd Azmi Mohammad, 39, dari Universiti Malaysia Terengganu (UMT), teknik-teknik baharu yang diperolehi amat membantu dirinya dalam memahami konsep dan teknik fotografi dengan lebih mendalam. Bagi beliau, bengkel seperti ini harus diteruskan pada masa akan datang.

Pengarah Unifilm Studio, Bahiyah Md Idris berkata penganjuran kursus pada kali ini agak berbeza kerana ianya diadakan sempena program Discover UUM 2016 serta Discover Kedah 2016.

“Kita mahu tonjolkan tempat-tempat menarik yang ada di kampus Sintok. Selain membuat latihan praktikal di dalam kampus ini, para peserta juga turut dibawa ke Kuala Kedah dan sekitar bandar raya Alor Setar bagi tugas mengambil gambar lanskap dan *human interest* serta *night photography*.

“Penceramah memberi tutorial dengan baik apabila peserta didedahkan dengan teknik mengambil gambar ketika waktu matahari terbenam dan cara mengambil gambar dengan kreatif dalam cahaya yang rendah pada waktu malam,” ujar beliau.

Sementara itu, penceramah bengkel, Mohd Rizal Ismail yang turut dilantik sebagai *Nikon State Liason* negeri Kedah berkata, melalui penganjuran bengkel ini pihaknya berharap dapat memberi banyak manfaat dengan tunjuk ajar dan tips-tips yang dikongsikan oleh tenaga pengajar kepada peserta.

“Selain teknik asas fotografi, kita juga memberi penekanan kepada tatacara mengambil gambar macro, landskap, tatacara mengambil gambar waktu malam, *startrail*, *light trail*, *time lapse*, komposisi dan banyak lagi,” jelasnya.

Tambah Rizal, pihaknya juga menghargai usaha Unifilm Studio dan berharap agar objektif bengkel ini dapat dicapai dengan jayanya oleh semua peserta dan pihaknya juga bersedia untuk mengadakan kerjasama seperti ini pada masa akan datang.

=====

DARIPADA:
UNIFILM STUDIO
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
TEL.: 04-928 3750
FAKS: 04-928 3777
E-MEL: unifilm@uum.edu.my
WEBSITE: unifilm.uum.edu.my

